

Apa yang mahu dipakai! – Biasanya seseorang yang menjadi penganjur sesuatu kaum itu di dalam pertubuhannya mempunyai program yang tertentu walau bagaimanapun matlamatnya satu kita hairan atas kejadian anjuran Dato' Onn.

Dalam masa menghancurkan Malayan Union ia menghendaki bangsa Melayu, kemudian setelah Federation didapati bertukar pula dengan bangsa Malaya dan Malayan dan sekarang bertukar pula dengan Malania. Apakah ini ditujukan kerana mengikut angin yang menghembus di belakangnya?

-----\*-----\*-----

Risalah UMNO telah keluar dan di dalam rencana pengarangnya ia membentangkan seribu satu masalah “Jasa UMNO” tetapi kalau diselidiki dengan terang tidak nampak pun kesannya kepada umat Melayu. Adanya “reda” buat umum bukan semata-mata buat Melayu. Tetapi harus kerana darurat perjumpaan ulama tinggal di atas kertas sekalipun telah setahun lamanya dan dan dan adakah ini disiarkan untuk mengaburi mata orang Melayu?



-----\*-----\*-----

Radio Malaya yang dihebahkan dari Singapura tiap-tiap malam Jumaat mengadakan siaran agama di bawah anjuran Jamiah Ad-Dakwah Al-Islamiah. Siaran-siaran itu sudah tetap didengar oleh seluruh dunia dan dengan itu orang dapat mengukur tarafnya. Jamiah rupanya tidak mengawal kehormatannya kerana pensyarah-pensyarahnya lain tidak yang terbanyaknya mengingatkan orang kepada mati sahaja dan setengahnya ada yang berbunyi mengetap-ngetap bibir – tidak membawa buah fikiran yang baik. Selain daripada itu kerap kali diadakan bacaan Al-Quran dan ada pula yang membaca itu lintang pukang bacaannya. Perbuatan-perbuatan ini adalah menoda nama baik umat Islam seluruh Singapura kerana seolah-olahnya tidak ada orang yang boleh memberi penerangan agama. Diharap Jamiah mengawal dan memperbaikinya dan kalau tak sanggup serah balik akan sahaja kepada Radio Malaya lebih baik.

Kita barangkali juga semua orang Melayu, terperanjat besar membaca rencana pengarang akhbar Hantu Wak Kaduk yang membilangkan orang Melayu di Tanah Melayu ini datang menumpang. Kalau sudah fikiran yang demikian itu terkeluar daripada fikiran orang Melayu maka keadaan telah menjadi “terbalik. –Di sini dapat kita mengesan atau menyangka harus ada “anasir” yang berdiri di belakang hantu Wak Kaduk – kalau tidak mengapa begitu?!

-----\*-----\*-----

Kaum ibu UMNO Kuala Lumpur telah “mengorak langkah” hendak menuntut supaya undang-undang cerai yang ada sekarang dipinda. Kita tidak mengetahui adakah pindaan yang dikehendaki itu dengan asas Islam. Tetapi melihat kepada gerak kaum-kaum ibu mereka itu, daripada perbuatan dan kelakuannya kerap kali melanggar pelajaran agama, jika tidak semua sebahagian besarnya

dan dengan alasan ini bahawa tentulah mereka itu harus tidak berasas kepada tuntutan agama. Oleh itu apa fikir Ketua Bahagian Agama UMNO? Dan apa kata

## KOPI PAHIT

ulama – Masih hendak berdiam juga lagikah dengan tidak mahu memberi penerangan yang jelas mengawal dalam perkara agama – marilah kita bekerjasama membela agama Allah dengan penerangan-penerangan yang nyata dengan menghapuskan khurafat-khurafat yang dibangsakan kepada agama.

-----\*-----\*-----

Perkara adat perpatih nampaknya hidup lagi dibahas di dalam akhbar-akhbar. Sungguhpun perkara yang dibahas itu melanggar ajaran syarak dan berlawanan dengan syarak tetapi pelik juga ada mereka setengah-setengahnya sudah haji tetapi masih berpegang mempertahankan adat Jahiliah itu. Begitulah lazimnya kalau orang nampaknya tidak memberatkan hak agamanya lebih daripada yang lainnya.

Adakah sesuatu perkara, kalau seseorang itu telah Islam, akan melebihi sesuatu yang lain daripada agamanya terutama pula jika yang demikian itu berlawanan dengan agamanya?- Cemeti Al-Farouk.